



Good food, Good life

**KEMPEN 'SALAM AIDILFITRI BERSAMA NESTLE'**

**TERMA DAN SYARAT**

**A: Jadual kepada Syarat Penyertaan**

<b>Penganjur</b>	Nestle Products Sdn. Bhd. (197901000966)	
<b>Kempen</b>	SALAM AIDILFITRI BERSAMA NESTLE	
<b>Jadual Tarikh dan Lokasi Promosi</b>	<b>24<sup>th</sup> – 25<sup>th</sup> Mac 2023 (JUMAAT &amp; SABTU)</b>	
	LOTUS'S SUNGAI PETANI LOTUS'S MERGONG LOTUS'S AMAN CENTRAL	
	<b>25<sup>th</sup> – 26<sup>th</sup> Mac 2023 (SABTU &amp; AHAD)</b>	
	LOTUS'S AMPANG LOTUS'S MUTIARA LOTUS'S PENANG LOTUS'S TEBRAU LOTUS'S EXTRA CHERAS LOTUS'S SETIA ALAM LOTUS'S KLANG LOTUS'S BANDAR BUKIT PUCHONG LOTUS'S EXTRA SELAYANG LOTUS'S IOI CITY MALL LOTUS'S PUTRA NILAI LOTUS'S SEMENYIH LOTUS'S PUNCAK ALAM LOTUS'S RAWANG LOTUS'S ARA DAMANSARA	LOTUS'S KUALA SELANGOR LOTUS'S EXTRA SEREMBAN JAYA LOTUS'S EXTRA SEREMBAN 2 LOTUS'S MUTIARA RINI LOTUS'S SERI ALAM LOTUS'S BUKIT INDAH LOTUS'S EXTRA PLENTONG LOTUS'S KSL CITY LOTUS'S EXTRA SEBERANG JAYA LOTUS'S EXTRA PENANG LOTUS'S KULIM LOTUS'S TAIPING LOTUS'S IPOH LOTUS'S STATION 18 LOTUS'S KAMPAR
	<b>31<sup>st</sup> Mac – 1<sup>st</sup> Apr 2023 (JUMAAT &amp; SABTU)</b>	
LOTUS'S JITRA LOTUS'S SUNGAI PETANI SELATAN LOTUS'S STARGATE LOTUS'S KOTA BHARU		
<b>1<sup>st</sup> – 2<sup>nd</sup> Apr 2023 (SABTU &amp; AHAD)</b>		
LOTUS'S KAJANG LOTUS'S KEPONG LOTUS'S PUCHONG LOTUS'S JENJAROM LOTUS'S BUKIT BERUNTUNG LOTUS'S SHAH ALAM LOTUS'S LUKUT	LOTUS'S BANDAR PUTERI JAYA LOTUS'S BUKIT MERTAJAM LOTUS'S MANJUNG LOTUS'S BERTAM PERDANA LOTUS'S SERI ISKANDAR LOTUS'S EXTRA IPOH LOTUS'S BAGAN AJAM	

	<p>LOTUS'S BAHAU          LOTUS'S BANDAR PUTERI BANGI          LOTUS'S WANGSA WALK          LOTUS'S THE MINES          LOTUS'S PARADIGM KELANA JAYA          LOTUS'S TANJUNG PINANG          LOTUS'S PULAI HARTAMAS</p>	<p>LOTUS'S TELUK INTAN          LOTUS'S ECO TROPIC (MASAI)          LOTUS'S SETIA TROPIKA          LOTUS'S MALACCA          LOTUS'S MALACCA CHENG          LOTUS'S KULAI          LOTUS'S PARIT RAJA</p>
<b>Kelayakan</b>	<p>Kempen ini terbuka kepada semua individu pemastautin sah di Malaysia yang berumur 18 tahun dan ke atas pada permulaan Tempoh Kempen.</p>	
<b>Cara Penyertaan &amp; Penebusan</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Untuk menyertai promosi ini, belilah mana-mana produk Nestlé (<b>Kecuali</b> produk Lactogen Tahap 1 &amp; Tahap 2 dan NAN Tahap 1 &amp; Tahap 2)(“Produk Nestlé”) yang jumlahnya bernilai sekurang-kurangnya Ringgit Malaysia Tiga Puluh Lapan (RM38) dalam satu resit dari mana-mana stor Lotus’s mengikut Jadual Tarikh dan Lokasi Penebusan di atas (“Resit Asal”).</li> <li>2. Dapatkan Resit Asal sebagai bukti pembelian Produk Nestlé dan <u>tunjukkan Resit Asal kepada promoter Nestlé yang bertugas/ penganjur di cawangan Lotus’s mengikut Jadual Tarikh dan Lokasi Promosi untuk menyertai kempen Nestlé GACHA TUAH dan berpeluang untuk memenangi hadiah yang menarik.</u></li> <li>3. <u>Promoter Nestlé yang bertugas/ penganjur akan menunjukkan dan membimbing peserta tentang cara penyertaan.</u></li> <li>4. <u>Peserta promosi akan mendapat satu [1] kali cabutan bertuah dan jawab soalan untuk ‘Gacha’ dan mendedahkan hadiah.</u></li> <li>5. Peserta yang gagal memberikan jawapan yang betul, kelayakan peserta dan hadiah akan dibatalkan.</li> <li>6. <u>Peserta boleh membuat penebusan dari promoter Nestlé yang bertugas/ penganjur di lokasi cawangan Lotus’s di mana pembelian Produk Nestlé dilakukan oleh Peserta.</u></li> <li>7. Setelah hadiah ditebus, Resit Asal akan ditandatangani dan dicop “Ditebus” oleh promoter bertugas / penganjur.</li> <li>8. Pada pukul 2pm- 5pm (“Lagi Jimat Hour”) dengan setiap pembelian RM38 Produk* Nestlé yang mengambil bahagian dalam 1 resit tunggal dapat TAMBAHAN 1x penyertaan dalam Nestlé GACHA TUAH.</li> </ol>	
<b>Hadiah Promosi</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Terdapat sekurang-kurangkannya Lapan Puluh [80] hadiah menarik untuk ditebus setiap hari mengikut Jadual Tarikh dan Lokasi promosi.</li> <li>2. Secara keseluruhan, terdapat Seratus Ribu [100,000] penebusan yang boleh ditebus sepanjang Tempoh Promosi.</li> <li>3. Hadiah promosi bagi satu [1] cawangan termasuk:</li> </ol>	

	<ul style="list-style-type: none"> <li>i) Satu [1] unit TEFAL PLANCHA MALAGA GRIL ELEKTRIK</li> <li>ii) Satu [1] unit PHILIPS PENGUKUS PEGANG TANGAN SIRI 3000</li> <li>iii) Satu [1] unit KHIND OT3005 30L KETUHAR ELEKTRIK</li> <li>iv) Satu [1] unit PERYSMITH 3D PENGGORENG KERING SIRI EKOHEALTH</li> <li>v) Satu [1] unit PENSONIC PERIUK INDUKSI PERCUMA PERIUK 3L</li> <li>vi) Satu [1] unit PENSONIC MULTI COOKER</li> <li>vii) Sekurang-kurangnya Lima Belas [15] keping TUNAI BAUCAR LOTUS'S BERNILAI RM10</li> <li>viii) Sekurang-kurangnya Tiga Ratus Tujuh Puluh [370] hadiah produk Nestlé</li> </ul>
<b>Tarikh dan Lokasi Promosi</b>	<p><b><u>Penebusan di cawangan Lotus's Malaysia (24hb Mac – 2hb Apr 2023)</u></b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Peserta Promosi hanya boleh melakukan pembelian dan penebusan dalam tujuh [7] hari mengikut Tarikh Promosi dan lokasi cawangan Lotus's di mana pembelian Produk Nestlé di dilakukan oleh Peserta.</li> <li>2. Peserta tidak boleh menyertai Promosi dengan resit pembelian daripada cawangan Lotus's yang lain ataupun yang tidak mengikut Jadual Tarikh dan Lokasi Promosi di atas.</li> </ol>
<b>Syarat Tambahan</b>	<p>Setiap peserta hanya boleh menyertai Satu [1] kali dalam Nestlé GACHA TUAH. Dan setiap penebusan adalah terhad kepada Dua [2] unit maksima dalam Satu [1] resit asal.</p> <p>Contoh :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Pembelian bernilai Ringgit Malaysia Empat Puluh [RM40] hanya boleh menyertai satu [1] kali dalam Nestlé GACHA TUAH dan menebus satu (1) hadiah.</li> <li>ii) Pembelian bernilai Ringgit Malaysia Lapan Puluh [RM80] hanya boleh menyertai dua [2] kali dalam Nestlé GACHA TUAH dan menebus dua [2] hadiah</li> <li>iii) Pembelian bernilai Ringgit Malaysia Seratus Lima Puluh [RM150] hanya boleh menyertai dua [2] kali dalam Nestlé GACHA TUAH dan menebus dua [2] hadiah.</li> </ul> <p>Kecuali pembelian pada "Lagi Jimat Hour" akan dapat TAMBAHAN satu [1] kali dalam Nestlé GACHA TUAH.</p>

Jadual bagi Syarat Penyertaan ini mesti dibaca bersama dengan Syarat Penyertaan dan Notis Privasi yang boleh didapati di <https://www.dearnestle.com.my/salam-aidilfitri-bersama-nestle-2023> , secara kolektif dinamakan "Terma dan Syarat", yang akan mengikat semua peserta yang menyertai Promosi ini (selepas ini dirujuk sebagai "Peserta", "Anda").

## **B. Syarat-syarat Penyertaan**

### **1. Pengenalan**

- 1.1 Syarat-syarat Penyertaan ini mesti dibaca bersama dengan Jadual Syarat Penyertaan. Jika terdapat sebarang percanggahan antara Syarat-syarat Penyertaan dan Jadual Syarat Penyertaan, Jadual Syarat Penyertaan hendaklah diguna pakai. Syarat-syarat Penyertaan dan Jadual Syarat Penyertaan secara kolektif akan dirujuk sebagai "Terma dan Syarat". Setiap terma yang berhuruf besar jika tidak dinyatakan selainnya di dalam ini hendaklah mempunyai maksud yang ditakrifkan untuk terma sedemikian dalam Jadual Syarat Penyertaan. Terma yang ditakrifkan boleh digunakan untuk bentuk mufrad dan jamak mengikut keadaan.
- 1.2 Penganjur berhak mengikut budi bicara, tanpa memberi notis terlebih dahulu, dan tanpa menanggung sebarang liabiliti terhadap sesiapa, pada bila-bila masa untuk mengubah Terma dan Syarat termasuk mengubah Tempoh kempen, membuat penggantian hadiah, membatalkan, menamatkan atau menggantung kempen secara keseluruhan atau sebahagiannya. Sekiranya terdapat sebarang perubahan kepada Terma dan Syarat, Peserta bersetuju bahawa penyertaan berterusan mereka dalam kempen akan menandakan penerimaan mereka terhadap Terma dan Syarat (sebagaimana yang diubah).
- 1.3 Keputusan Penganjur dalam semua perkara yang berkaitan dengan kempen termasuk pengadilan dan pemilihan pemenang adalah muktamad, mengikat dan tidak boleh dipertikaikan oleh semua Peserta. Sebarang surat menyurat atau rayuan berkaitan pengadilan dan pemilihan pemenang tidak akan dilayan.

### **2. Penyertaan Kempen**

- 2.1 Dengan mengemukakan penyertaan untuk Kempen ini, Peserta dianggap sudah memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini.
- 2.2 Semua kos dan perbelanjaan yang ditanggung dan/atau timbul daripada penyertaan dalam Kempen ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada caj telekomunikasi, rangkaian, Khidmat Pesanan Ringkas, pos dan semua caj lain sedemikian dan perbelanjaan sendiri yang mungkin dibelanjakan semasa atau berhubung dengan Kempen ini hendaklah ditanggung oleh Peserta.
- 2.3 Bukti penghantaran penyertaan bukanlah bukti penerimaan, dan Penganjur tidak boleh dipertanggungjawabkan terhadap sebarang penyertaan yang lewat, hilang, rosak, dan/atau tidak diterima. Penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan, ketinggalan, gangguan, pemadaman, kerosakan, kelewatan operasi atau penghantaran, kegagalan talian komunikasi, kecurian atau kemusnahan, capaian tanpa izin, atau pengubahsuaian komunikasi pengguna atau ahli, atau sebarang masalah atau gangguan teknikal terhadap sebarang rangkaian atau talian telekomunikasi, sistem komputer dalam talian, pelayan atau penyedia perkhidmatan, peralatan komputer, sistem perisian, kegagalan e-mel atau pemain akibat masalah teknikal atau kesesakan lalu lintas di Internet.

### **3. Kelayakan**

3.1 Sepertimana yang dinyatakan dalam Jadual Syarat Penyertaan, sekiranya Peserta berumur di bawah lapan belas (18) tahun, Peserta dikehendaki mendapatkan kebenaran bertulis (dalam bentuk yang akan ditentukan oleh Penganjur), daripada ibu bapa/penjaga sah mereka sebelum menyertai Kempen ini dan mengemukakan sebarang maklumat peribadi.

3.2 Penganjur boleh meminta Peserta untuk memberikan bukti kelayakan untuk menyertai Kempen ini termasuk tetapi tidak terhad kepada dokumen pengenalan, dan kebenaran bertulis ibu bapa/penjaga sah untuk Peserta di bawah umur lapan belas (18) tahun.

### **4. Ketidaklayakan**

Kumpulan orang yang dinyatakan di bawah tidak layak untuk menyertai Kempen ini:

- a) Kakitangan Penganjur dan syarikat-syarikat dalam kumpulannya dan ahli keluarga terdekat mereka (suami isteri, anak, ibu bapa, adik-beradik dan suami isteri adik beradik mereka); dan
- b) Kakitangan agensi Penganjur yang berkaitan dengan Kempen ini dan ahli keluarga terdekat mereka (suami isteri, anak, ibu bapa, adik-beradik dan suami isteri adik beradik mereka).

### **5. Perlucutan Kelayakan**

5.1 Penyertaan berikut akan dilucutkan kelayakannya:

- a) penyertaan yang tidak jelas, tidak lengkap, berulang, salinan, tidak boleh dibaca atau tidak betul; dan/atau
- b) penyertaan yang melanggar Terma dan Syarat, mana-mana undang-undang dan/atau peraturan yang berkuat kuasa.

5.2 Selain itu, Penganjur berhak untuk melucutkan kelayakan mana-mana Peserta yang:

- a) menjejaskan, telah atau cuba menjejaskan perjalanan Kempen dengan pemalsuan, atau penipuan; dan/atau
- b) tidak layak atau tidak dapat mengemukakan bukti kelayakan untuk menyertai Kempen ini untuk pengesahan Penganjur apabila diminta.

5.3 Sekiranya perlucutan kelayakan berlaku selepas Hadiah diberikan, Penganjur berhak untuk menuntut pemulangan Hadiah atau bayaran nilainya daripada Peserta yang dilucutkan kelayakannya.

## **6. Hadiah**

- 6.1 Penganjur, ejen, penaja dan wakilnya tidak bertanggungjawab terhadap mana-mana Peserta yang gagal menuntut Hadiah menurut ketetapan Tuntutan Hadiah dalam apa keadaan sekalipun. Penganjur berhak menentukan pengurusan Hadiah yang tidak dituntut.
- 6.2 Hadiah sama sekali tidak boleh dipindah milik, diserahkan hak, ditukar atau ditebus oleh Peserta dalam apa bentuk lain atau cara lain daripada yang ditetapkan oleh Penganjur.
- 6.3 Sebarang kos tambahan yang tidak dinyatakan secara khusus dalam Jadual Syarat Penyertaan berkaitan Hadiah hendaklah ditanggung oleh Peserta.
- 6.4 Semua Hadiah mesti diambil menurut terma dan syarat Penganjur, ejennya, penaja atau pihak ketiga yang menyediakan Hadiah.
- 6.5 Hadiah diberikan berasaskan “keadaan seperti sedia ada”. Hadiah hendaklah digunakan/diambil sepenuhnya atas risiko Peserta dan Penganjur sama sekali tidak memberi sebarang jaminan mahupun menanggung sebarang liabiliti berhubung dengan Hadiah setakat yang dibenarkan undang-undang.
- 6.6 Hadiah hendaklah dituntut sendiri melainkan Penganjur menetapkan cara lain untuk tuntutan.
- 6.7 Di mana seorang Peserta masih di bawah umur lapan belas (18) tahun dan diumumkan sebagai pemenang Hadiah, Peserta mesti ditemani oleh ibu bapa/penjaga sah mereka sepanjang upacara penyampaian Hadiah.

## **7. Publisiti**

Penganjur boleh menggunakan penyertaan Peserta termasuk tetapi tidak terhad kepada gambar, lukisan, teks, dan sebarang kandungan atau maklumat lain yang dikemukakan untuk tujuan Kempen (secara kolektif dirujuk sebagai “Material”), dan nama Peserta, dan/atau persamaannya, untuk tujuan pengiklanan, publisiti dan Kempen mana-mana barangan Penganjur, untuk tempoh tidak terhad di seluruh dunia tanpa pampasan, dan di mana-mana media. Peserta hendaklah melakukan segala perkara yang perlu untuk tujuan ini jika diminta oleh Penganjur.

## **8. Indemniti**

Setiap Peserta bersetuju untuk melindungi, melepaskan dan tidak mempertanggungjawabkan Penganjur dan syarikat pegangan, subsidiari atau syarikat berkaitannya sebagaimana ditetapkan dalam Akta Syarikat 2016 (“Kumpulan Nestlé Malaysia”), para pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, penaja dan/atau wakilnya daripada sebarang dan semua kerugian, hak, tuntutan, tindakan dan kerosakan (termasuk kerosakan khas, tidak langsung dan lanjutan) yang timbul daripada atau ditanggung akibat penyertaan Peserta dalam Kempen, penerimaan sebarang hadiah, dan/atau penggunaan penyertaan Peserta dan/atau persamaannya berhubung dengan Kempen ini atau pelanggaran Terma dan Syarat.

## **9. Had Liabiliti**

9.1 Penyertaan Peserta dalam kempen ini adalah atas risiko peserta sendiri.

9.2 Penganjur, Kumpulan Nestlé Malaysia, para pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, penaja dan/atau wakilnya tidak boleh dipertanggungjawabkan ke atas mana-mana Peserta berhubung dengan sebarang kerugian atau kerosakan dan sebagainya yang ditanggung, termasuk tetapi tidak terhad kepada kerugian secara tidak langsung atau berlanjutan, atau untuk kecederaan peribadi yang ditanggung atau dialami oleh Peserta yang timbul daripada atau berhubung dengan penyertaan Peserta dalam Kempen ini, dan juga penebusan dan/atau penggunaan sebarang Hadiah yang dimenangi.

## **10. Am**

10.1 Penganjur, ejen, penaja dan/atau wakilnya tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk menunaikan manamana kewajipan mereka berhubung dengan kempen dan Terma dan Syarat di mana mereka tidak dapat berbuat demikian disebabkan keadaan di luar kawalan mereka dan tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk memberi pampasan kepada Peserta dalam apa cara sekalipun dalam keadaan sedemikian.

10.2 Sebarang nama, tanda perdagangan atau logo yang digunakan dan/atau diterbitkan semula dalam sebarang material (termasuk material pemasaran dan Kempen) berhubung dengan Kempen ini, khususnya yang berkaitan Hadiah, adalah hak milik pemilik masing-masing. Kempen ini dan Penganjur tidak mempunyai pertalian dengan, atau mendapat pengesahan atau tajaan daripada pemilik berkenaan, melainkan dinyatakan sebaliknya, dan pemilik berkenaan bukanlah sebahagian daripada syarikat kumpulan Penganjur.

10.3 Peserta tidak berhak untuk menyerah mana-mana hak atau sub kontrak mana-mana kewajipan yang terkandung di sini. Penganjur berhak untuk menyerahkan atau melesenkan seluruh atau mana-mana bahagian haknya kepada mana-mana pihak ketiga sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Penganjur.

10.4 Ketidaksahan, kesalahan dari segi undang-undang atau ketidakbolehan penguatkuasaan mana-mana Terma dan Syarat Kempen ini tidak akan mempengaruhi atau menjejaskan kesinambungan pelaksanaan Terma dan Syarat Kempen yang selainnya.

10.5 Di mana Terma dan Syarat Kempen ini disediakan dalam bahasa Inggeris dan bahasa yang lain, sekiranya terdapat sebarang ketidakseragaman antara bahasa Inggeris dan bahasa lain, versi bahasa Inggeris hendaklah diguna pakai dan dikuatkuasa dalam semua hal.

10.6 Terma dan Syarat Kempen ini hendaklah diertikan, ditadbir, dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia.